

# **Warga UMS perlu terap budaya inovasi**

*um 28.05.2012 27*

**KOTA KINABALU** 27 Mei

- Semua warga kerja Universiti Malaysia Sabah (UMS) perlu menerapkan budaya inovasi dalam melakukan tugasan sehari-hari.

Naib Canselornya, Prof. Datuk Dr. Kamaruzaman Ampon berkata, langkah itu selaras dengan saranan kerajaan, sekali gus mengangkat martabat UMS di mata dunia.

“Cabarannya yang lebih besar kepada warga perkhidmatan awam pada hari ini adalah untuk menukar cara bekerja daripada menjalankan tugas-tugas rutin kepada peranan yang lebih besar sebagai pekerja berilmu yang sentiasa kreatif dan inovatif.

“Ini penting bagi menangani cabaran-cabaran baru, mampu meramal perubahan-perubahan yang bakal berlaku dan berani membuat pertimbangan dan keputusan serta sanggup menghadapi risiko,” katanya ketika berucap pada majlis Anugerah Kecemerlangan Staf UMS di sini baru-baru ini.